

## **Analisis Lakuan Bahasa Terhadap Teks Khutbah Jumaat Negeri Selangor**

*Abd Ganing Laengkang*  
*e-mel: abdulganing@kuis.edu.my*  
*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

### **ABSTRAK**

Lakuan bahasa ialah kajian tindakan-tindakan dalam komunikasi. Setiap ayat yang dituturkan mengandungi tindakan, seperti berjanji, menggesa, menasihati, menegaskan, melaporkan, menyimpulkan dan sebagainya. Oleh itu, kajian ini akan menganalisis lakuan bahasa terhadap teks khutbah yang diterbitkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS). Kajian ini menggunakan kerangka teori yang diperkenalkan oleh Bach dan Harnihs. Walau bagaimanapun, pengkaji akan menyesuaikan kerangka teori tersebut dengan data kajian yang berbahasa Melayu. Enam teks khutbah Jumaat yang dibacakan pada tahun 2018 dipilih untuk dianalisis, iaitu dua teks pada bulan Februari, dua teks pada bulan Mac dan dua teks pada bulan April. Berdasarkan analisis, kajian ini mendapati tiga kategori lakuan dan 13 subkategori lakuan. Jumlah keseluruhan kekerapan adalah sebanyak 341 kali. Antara lakuan bahasa yang paling kerap ialah lakuan bahasa nasihat (83), lakuan deskriptif (61), lakuan makluman (42) dan lakuan penegasan (41). Lakuan bahasa yang lain tidak dominan kerana kekerapannya hanya antara 3 hingga 19. Kajian ini menunjukkan bahawa khutbah Jumaat bersifat nasihat dan deskriptif. Walau bagaimanapun, pengkaji mencadangkan agar lakuan *persoalan retorik* perlu diperbanyak agar dapat meningkatkan daya interaksi antara khatib dengan jemaah. Hal ini penting selain memberi nasihat, khutbah Jumaat juga perlu mengajak jemaah berfikir melalui persoalan retorik yang dibangkitkan oleh khatib.

**Kata kunci:** lakuan bahasa, khutbah Jumaat, nasihat, JAIS, Selangor.

## **Speech Act Analysis toward the Friday Sermon of Selangor State Government**

### **ABSTRACT**

Speech act is study of action in language communication. Each sentence uttered contains action, such as promise, urge, advise, firm, report, conclude, and etc. Therefore, this research will analyse speech act in the Friday sermon text, published by Selangor Islamic Religion Department (JAIS). This research will use theoretical framework of Bach and Harnish that was introduced in 1979. However, this theoretical framework is adapted with data, where the data is in Malay language. Six Friday sermon texts have been chosen to be analysed and they have been delivered in 2018, two texts in every month, from February to April. Based on the analysis, this research found that there are three category of speech act and thirteen subcategory

of speech act in the texts. The total number of frequency of speech act are 341. Among the highest frequency is advise speech act (83), follow by descriptive (61), notify (42), and firm (41). Other speech act is not dominant as its frequency is ranging from 3 to 19. This research shows that Friday sermon advise and descriptive in nature. However, this research recommends that rhetorical question should be duplicate to increase the degree of interaction between the speaker and listener. This is very important, other than giving advise, Friday sermon will attract the listener to think through the rhetorical question given by *khatib*.

**Keyword:** *Speech act, Friday sermon, advise, Jais, Selangor.*

Received: 10 Jun 2018

Accepted: 10 Jun 2018

Online Published: 30 Jun 2018

## PENGENALAN

Setiap pertuturan yang diucapkan dalam komunikasi mengandungi tindakan-tindakan tertentu. Austin (1962) merupakan orang pertama yang melihat ayat yang dituturkan bukan sekadar mengatakan sesuatu, sebaliknya setiap ayat yang dipertuturkan mengandungi pelbagai tindakan. Melalui buku beliau *How To Do Things With Word*, Austin (1962) berpendapat setiap kali menuturkan sesuatu, kita melakukan tiga tindakan secara serentak, iaitu lakuan lokusi, lakuan ilokusi, dan lakuan perlokusi. Lakuan lokusi ialah melakukan sesuatu pernyataan (act of saying something), ilokusi pula merujuk kepada lakuan niat pengucapan, manakala perlokusi merujuk kepada kesan daripada lakuan niat pengucapan. Sebagai contoh, ayat *janganlah kamu memberi rasuah, kerana sesungguhnya rasuah adalah haram di sisi Islam*. Secara umumnya, ayat ini mengandungi dua lakuan bahasa, iaitu *lakuan larangan* dan *lakuan justifikasi*. Contoh lain ialah *Sesungguhnya, kematian adalah pasti*. Contoh ini menunjukkan *lakuan penegasan*. Berdasarkan contoh tersebut, kajian ini akan mengenal pasti bentuk-bentuk dan kekerapan lakuan bahasa yang wujud dalam teks khutbah Jumaat. Analisis lakuan bahasa dalam khutbah Jumaat amat penting untuk dilakukan kerana ia dapat memperlihatkan bentuk-bentuk lakuan bahasa yang mendominasi teks khutbah Jumaat.

Austin mengkategorikan lakuan bahasa kepada lima kategori, iaitu keputusan (verdictives), penguasaan (exercitives), perjanjian (commissives), tabiat kebiasaan (behabitives) dan tanggapan (expositives). Selepas Austin, Searle (1969) pula tampil memperincikan dan mengemas kini kerangka Austin, dan memperkenalkan lima kategori lakuan bahasa, iaitu pernyataan (representatives/assertives), arahan (directives), perjanjian (commissives), ekspresif (expressives) dan pengisytiharan (declarations). Bach dan Harnish (1979) turut membahaskan persoalan lakuan bahasa dan memperincikan lakuan bahasa kepada empat lakuan bahasa, iaitu pengumuman (constatives), arahan (directives), perjanjian (commissives) dan pengakuan (acknowledgements). Walaupun ketiga-tiga kerangka teori ini berlainan dari sudut jumlah kategori lakuan bahasa, namun perincian mereka bermula daripada lakuan ilokusi.

Analisis lakuan bahasa di Malaysia mula mendapat perhatian oleh ahli bahasa tempatan. Di sini pengkaji senaraikan beberapa ahli bahasa tempatan yang telah melakukan kajian lakuan bahasa. Berdasarkan tinjauan, Ahmad Mahmud Musanif (1998) ialah ahli bahasa pertama yang membahaskan lakuan bahasa. Namun demikian, beliau memberi tumpuan pada lakuan ayat tanya. Menurut beliau, lakuan ayat tanya bukan sekadar bertanya, sebaliknya mempunyai pelbagai tujuan lain, seperti melakukan permintaan. Selain itu, Zaiton Ismail (2003), Wong Shin Shin (2007), Marlyna Maros (2008), Wan Robiah Meor Osman et.al (2010), Marlyna Maros (2011), Zaidatul Normis Hj Mahali (2012), Amir Juhari & Zaitul Azma Zainon Hamzah (2015), Haslinda Saad (2012), Maslida Yusof dan Karim Harun (2015), Haslinda Saad dan Ahmad Mahmood Musanif (2014), dan kajian terkini ialah Sharifah Farah Adila Bt Syed Faizal Badrul (2016). Mereka membahaskan pelbagai situasi atau peristiwa bahasa, seperti lakuan bahasa dalam mesyuarat, lakuan bahasa dalam *facebook*, lakuan bahasa dalam karya kreatif, wawancara dan sebagainya. Mereka juga menggunakan pelbagai kerangka teori, sama ada kerangka teori Austin, Searle, atau Bach dan Harnish. Berdasarkan tinjauan awal ini, pengkaji mendapati bahawa pengkaji bahasa terdahulu tidak memberi tumpuan terhadap khutbah Jumaat. Khutbah Jumaat merupakan satu bentuk komunikasi dakwah berkala yang sangat penting kerana ia menjadi platform pengembangan Islam. Oleh itu, kajian ini akan menganalisis bentuk-bentuk lakuan bahasa yang wujud dalam khutbah Jumaat.

Di Malaysia, agama Islam berada di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Oleh itu, segala pengurusan tentang hal ehwal agama Islam adalah di bawah kelolaan kerajaan negeri. Salah satu aspek kelolaan kerajaan negeri ialah pengurusan masjid, termasuklah penyediaan teks khutbah Jumaat. Dalam konteks kerajaan negeri Selangor, teks khutbah Jumaat dikeluarkan oleh JAIS. Setiap masjid di seluruh negeri Selangor hendaklah membaca khutbah Jumaat berdasarkan teks yang dikeluarkan oleh JAIS. Khutbah Jumaat adalah wajib disampaikan oleh khatib sebelum mendirikan solat Jumaat. Lazimnya, khutbah Jumaat adalah seruan nasihat kepada umat Islam agar sentiasa bertakwa dan beriman kepada Allah SWT. Seperti yang disebutkan sebelum ini, pertuturan dalam komunikasi mengandungi pelbagai tindakan atau lakuan bahasa. Persoalan yang dibangkitkan ialah apakah bentuk-bentuk lakuan bahasa yang wujud dalam teks kutbah Jumaat. Adakah lakuan bahasa yang mendominasi teks khutbah Jumaat adalah selari dengan konsep khutbah tersebut, iaitu syarahan yang mengandungi ajaran Islam.

## TUJUAN KAJIAN

Kajian ini dilakukan untuk

1. Mengenal pasti lakuan bahasa yang wujud dalam enam siri teks khutbah Jumaat negeri Selangor.
2. Menganalisis teks khutbah Jumaat negeri Selangor menggunakan teori Bach dan Harnish (1979).

## SKOP KAJIAN DAN BAHAN KAJIAN

Kajian ini menggunakan kerangka teori Bach dan Harnish (1979) untuk menganalisis lakuan bahasa dalam teks khutbah Jumaat, terbitan Jabatan Agama Islam Selangor. Analisis kajian akan tertumpu pada teks atau isi kandungan berbahasa Melayu sahaja. Dengan perkataan lain, kajian ini tidak meneliti petikan al-Quran dan hadis dan terjemahannya yang ada dalam teks tersebut. Petikan al-Quran dan Hadis yang wujud dalam teks tersebut hanya dianalisis sebagai satu bentuk “tindakan memetik al-Quran dan Hadis sebagai dalil”. Kajian ini juga tidak menganalisis format khutbah tersebut. Bahan yang dikaji juga hanya tertumpu pada tiga bulan pada 2018, iaitu pada bulan Februari hingga April. Sebanyak enam teks khutbah Jumaat telah dipilih untuk dianalisis, iaitu dua teks pada bulan Februari, dua teks pada bulan Mac dan dua teks pada bulan April. Data kajian ini diakses pada 28 April 2018, dengan alamat URL <http://emasjid.jais.gov.my/index.php/ekhutbah>. Jadual 1 berikut ialah enam teks khutbah Jumaat yang akan dianalisis dalam kajian ini.

**Jadual 1:** Senarai teks khutbah Jumaat

NO	TAJUK KHUTBAH	TARIKH DIBACA
1	Perpaduan Menjamin Kesejahteraan	27 April 2018
2	Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Pegangan Kita	07 April 2018
3	Pesanan Buat Suami	23 Mac 2018
4	Teruskan Berdakwah	16 Mac 2018
5	Tuntutan Solat Berjamaah	16 Februari 2018
6	Menjauhi Fitnah Media Sosial	02 Februari 2018

## KAEDAH ANALISIS DAN KERANGKA TEORI

Kajian ini bersifat kualitatif dan bersifat analisis teks. Penyelidikan ini tidak melibatkan kajian lapangan, sebaliknya kajian kepustakaan. Data hanya diperoleh melalui kaedah muat turun dalam laman web rasmi Jabatan Agama Islam Negeri Selangor, kemudian data dianalisis menggunakan teori Bach dan Harnish. Bach dan Harnish memperkenalkan empat kategori lakuan bahasa, dan setiap kategori mengandungi beberapa subkategori. Dalam kajian ini, pengkaji akan mengadaptasi dan menyesuaikan istilah-istilah yang diperkenalkan oleh Bach dan Harnish, seperti yang dilakukan oleh Wan Robiah Meor Osman et. al (2016). Wan Robiah et.al (2016) telah menganalisis lakuan bahasa dalam sesi kaunseling. Mereka menggunakan kerangka teori Bach dan Harnish dengan melakukan penyesuaian istilah-istilah berdasarkan nilai-nilai bahasa Melayu. Hal ini kerana mereka beranggapan bahawa kata-kata kerja dalam bahasa Inggeris dengan bahasa Melayu mempunyai nilai dan makna yang belainan. Pengkaji sependapat dengan mereka bahawa nilai dan makna sesuatu perkataan antara dua bahasa adalah berlainan antara satu sama lain. Contohnya, nilai *ethic* dalam bahasa Inggeris dan *adab* dalam bahasa Melayu mempunyai nilai dan makna yang belainan. Oleh itu, kajian ini menggunakan kerangka Bach dan Harnish yang telah diadaptasi oleh Robiah et.al.


Jadual 2 berikut ialah kerangka teori yang telah diterjemahkan dan disesuaikan oleh Robiah et.al (2016) daripada kerangka teori Bach dan Harnish. Dengan perkataan lain, pengkaji mengaplikasi terjemahan kerangka Bach dan Harnish yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Robiah dan kawan-kawan. Hal ini dilakukan kerana data yang dikaji Robiah et.al dan data dalam kajian ini menggunakan bahasa yang sama, iaitu bahasa Melayu.

**Jadual 2:** Kategori dan Subkategori Lakuan Bahasa Bach dan Harnish

Kategori Lakuan	Subkategori lakuan
<b>Pengumuman</b>	pernyataan, ramalan, laporan, deskriptif, penyebab, makluman, pengesahan, pengakuan, pembetulan, penerimaan, bantahan, perdebatan, maklum balas, cadangan, dan andaian.
<b>Arahan</b>	permintaan, pertanyaan, keperluan, larangan, permisif, menyeru, dan nasihat.
<b>Perjanjian</b>	berjanji, dan menawarkan.
<b>Pengakuan</b>	minta maaf, bersimpati, ucapan tahniah, menyapa, berterima kasih, menerima, dan menolak.

Oleh itu, kata-kata kerja yang menjadi tumpuan analisis mempunyai nilai dan makna yang sama antara kedua-dua data. Secara umumnya, Robiah menggunakan empat kategori lakuan, iaitu (i) pengumuman, (ii) arahan, (iii) perjanjian dan (iv) pengakuan. Berikut ialah kerangka umum lakuan Bach dan Harnish. Kerangka model ini merupakan kerangka yang amat terperinci, sehingga terdapat beberapa kata kerja berada di dua kategori lakuan bahasa. Namun demikian, Bach dan Harnish menerima sekiranya sarjana lain menambah atau mengurangkan jenis-jani lakuan tersebut.

Perkara yang sama telah dilakukan oleh Siti Hajar dalam mengemas kini semula konsep lakuan bahasa Searle. Menurut beliau, perincian lakuan bahasa yang dilakukan oleh Searle terlalu bersifat konseptual, dan oleh sebab itu penjenisan subkategori lakuan sukar dilakukan. Perincian lakuan Searle secara konseptual turut dilakukan oleh Bach dan Harnish. Tidak ada contoh konkrit yang dikemukakan atau contoh-contoh daripada peristiwa bahasa sebenar. Robiah et.al melakukan kajian dengan menggunakan nilai dan maksud kata kerja dalam bahasa Melayu, seperti yang terdapat dalam *Kamus Dewan* dan *Tatabahasa Dewan*. Namun demikian, kajian ini akan menghuraikan kerangka teori Bach dan Harnish lakuan yang wujud dalam khutbah Jumaat. Secara umumnya, kajian ini telah mengenal pasti 3 kategori dan 13 subkategori lakuan bahasa. Rajah berikut ialah kerangka teori yang digunakan untuk menganalisis lakuan bahasa khutbah Jumaat yang diterbitkan oleh Jais.



6. Penegasan
7. Hadis
8. Al-Quran

### **Rajah 1:** Kerangka Teoritis dalam Analisis Lakuan Bahasa Khutbah Jumaat

Kerangka ini akan dibahasakan dan diperincikan mengikut nilai dan konsep bahasa Melayu. Dengan perkataan lain, istilah-istilah yang telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu akan dikemas kini berdasarkan maksud dalam bahasa Melayu. Dua ayat berikut menunjukkan dua kata kerja ajakan yang sama. Namun demikian, nilai sebenar lakuan ajakan tersebut berlainan antara satu sama lain.

1. **Marilah** makan kuih sebelum beredar.
2. **Marilah** kita memperbaiki sikap kita.

Kedua-dua ayat di atas bersifat *ajakan* dengan menggunakan perkataan yang sama, iaitu *marilah*. Namun demikian, nilai ajakan itu berlainan. Ayat 1 di atas menjukkan lakuan yang mengajak seseorang untuk makan sebelum pergi. Ayat 2 pula mengajak seseorang untuk memperbaiki sikap. Pada pendapat pengkaji, kedua-dua ayat di atas menunjukkan nilai lakuan yang berlainan. Ayat 1 menunjukkan lakuan ajakan, ayat 2 pula menunjukkan lakuan nasihat kerana ia mengajak seseorang ke arah kebaikan mengajak seseorang untuk melakukan kebaikan. Hal ini juga menunjukkan bahawa penggunaan kata kerja yang sama tidak semestinya melambangkan lakuan bahasa yang sama.

### **KATEGORI LAKUAN PENGUMUMAN**

Bach dan Harnish (1979) memperkenalkan istilah *constative* untuk menunjukkan lakuan menyatakan pendapat atau kepercayaan. Istilah ini dipadankan ke dalam bahasa Melayu sebagai *pengumuman*. Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) mendefinisikan pengumuman sebagai perbuatan mengumumkan, memaklumkan, mempernyatakan, mengistiharkan. Dalam kategori ini, kajian ini mendapati lapan subkategori lakuan pengumuman, iaitu makluman, deskriptif, justifikasi, kesimpulan, penegasan, hadis, al-Quran, dan laporan. Bahagian ini akan memperincikan konsep setiap subkategori lakuan beserta dengan contohnya sekali.

#### **Lakuan Deskriptif, Makluman dan Laporan**

Pengkaji akan menghuraikan subkategori lakuan *deskriptif*, *makluman*, dan *laporan* secara serentak. Hal ini dilakukan untuk memperlihatkan perbezaan ketiga-tiga lakuan tersebut berdasarkan teks khutbah Jumaat. Pengkaji berpendapat bahawa lakuan deskriptif bersifat menghuraikan dan menerangkan sesuatu. Lakuan makluman bersifat pemberitahuan, manakala lakuan laporan pula lebih bersifat menyampaikan sesuatu berita atau perkara yang telah berlaku. Label yang diletakkan di bahagian hujung setiap contoh di bawah menunjukkan nombor siri khubath dan kedudukan petikan semasa analisis dilakukan. Contoh label (K1:2) menandakan khutbah 1 dan kolum 2. Berikut ialah perbezaan utama ketiga-tiga lakuan di atas.



1. ...marilah kita sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT **dengan mematuhi segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya ...** (K1:2).
2. **Negara kita adalah sebuah negara demokrasi** berparlimen dan raja berperlembagaan. Dalam tempoh lima tahun sekali, satu pilihanraya umum mesti diadakan untuk memilih wakil-wakil rakyat bagi membentuk kerajaan baru. (K1:6)

Deskriptif boleh wujud sebagai unsur keterangan bagi ayat induk, atau menjadi ayat deskriptif bagi ayat sebelumnya. Dengan perkataan lain, lakukan deskriptif menunjukkan bahawa pembaca khutbah memberikan penjelasan atau keterangan lanjut tentang sesuatu perkara. Unsur deskriptif ini boleh wujud di peringkat ayat atau antara ayat. Contoh 1 di atas merupakan lakukan deskriptif di peringkat ayat, manakala contoh 2 pula ialah deskriptif antara ayat. Unsur keterangan *dengan mematuhi segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya* merupakan lakukan deskriptif bagi ayat induk *marilah kita sentiasa bertaqwa kepada Allah SWT*. Contoh 2 pula menunjukkan bahawa ayat keterangan *Dalam tempoh lima tahun sekali, satu pilihanraya umum mesti diadakan untuk memilih wakil-wakil rakyat bagi membentuk kerajaan baru* merupakan lakukan deskriptif bagi ayat sebelumnya, iaitu *Negara kita adalah sebuah negara demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan*. Hal ini berbeza dengan lakukan makluman. Lakukan makluman merupakan ayat penyata, lazimnya ayat tunggal. Contohnya adalah seperti berikut:

3. **Negara kita adalah sebuah negara demokrasi berparlimen dan raja berperlembagaan.** (K1:6)
4. **Islam mengangkat suami sebagai ketua keluarga** kerana fungsi dan tanggungjawabnya yang besar untuk memimpin mereka hingga ke syurga. (K3:4).
5. **Saban hari gejala ini semakin merisaukan apabila semakin ramai yang ketagih melayari media sosial** tidak kira masa dan tempat termasuk di dalam masjid dan ketika khatib berkhotbah Jumaat. (K6:8)

Contoh 3 merupakan satu pernyataan untuk memaklumkan sesuatu. Lazimnya, ia hanya ayat induk, dan boleh diikuti oleh lakukan deskriptif. Contoh 4, lakukan makluman bermula dengan *Islam mengangkat suami sebagai ketua keluarga* manakala klausa *kerana fungsi dan tanggungjawabnya yang besar untuk memimpin mereka hingga ke syurga* ialah lakukan deskriptif. Hal ini menunjukkan bahawa dalam satu ayat boleh terdiri daripada beberapa lakukan atau tindakan. Namun demikian, lakukan makluman ini berbeza dengan lakukan laporan. Dalam kajian ini, lakukan laporan lebih bersifat menyampaikan sesuatu pendapat, tindakan atau pesanan oleh orang ketiga. Contohnya adalah seperti berikut:

6. **Malah seruan pertama ketika Baginda sampai ke Madinah** sebagai pemimpin penyelamat manusia ialah ... (K1:4).
7. Sebagai persiapan menghadapi Pilihanraya Umum ke-14, **Baginda D.Y.M.M. Sultan Selangor telah bertitah** dalam perutusannya yang bertarikh 20 April 2018 bahawa D.Y.M.M ingin mengingatkan ... (K1:6).

8. **Dr Yusof Al-Qardawi menyatakan bahawa** dakwah adalah satu usaha untuk membawa orang lain kepada agama Islam, melaksanakan ... (K4:4)

Contoh 6 di atas menunjukkan laporan tentang tindakan Rasulullah ketika sampai di Madinah. Contoh 7 pula melaporkan titah D.Y.M.M Sultan Selangor, manakala contoh 8 pula melaporkan pendapat al-Qardawi. Berdasarkan contoh-contoh di atas, pengkaji menyimpulkan bahawa lakuan deskriptif, lakuan makluman dan lakuan laporan adalah bebeza antara satu dengan lain.

### Lakuan Justifikasi

Lakuan justifikasi ialah tindakan yang memberikan kewajaran terhadap pernyataan. Ayat lakuan justifikasi ialah tindakan memberikan alasan untuk menyokong atau menolak sesuatu pendapat. Lazimnya, ia ditandai oleh kata hubung keterangan *kerana*. Beriku ialah lima contoh yang menunjukkan lakuan yang memberikan kewajaran sesuatu.

1. ... dan meninggalkan segala larangan-Nya **kerana** taqwalah merupakan satu-satunya kunci untuk mencapai kejayaan kehidupan kita di dunia dan ... (K1:2).
2. Tidak menyamakan Allah dengan makhluk seperti beranggota dan bertempat. **Ini kerana** Allah berlainan dan tidak sama dengan semua makhluk ... (K2:8)
3. Islam mengangkat suami sebagai ketua keluarga **kerana fungsi dan tanggungjawabnya yang besar untuk** ... (K:4)
4. dan meninggalkan segala larangan-Nya. **Kerana sesungguhnya** taqwa itu adalah sebaik-baik bekalan untuk hari akhirat. (K4:2)

Berdasarkan contoh di atas, lakuan justifikasi ini boleh dilakukan sama ada dalam ayat atau antara ayat. Lakuan justifikasi dalam contoh 1 dan 3 di atas dilakukan dalam ayat yang sama, manakala contoh 2 dan contoh 4 pula menunjukkan lakuan justifikasi dilakukan antara ayat.

### Lakuan Kesimpulan

Lakuan kesimpulan ialah lakuan yang bertujuan untuk merumuskan sesuatu idea atau keseluruhan teks yang disampaikan. Lazimnya, lakuan ini ditandai oleh penanda wacana seperti *oleh itu, bagi mengakhiri khutbah ini, jesteru, kesimpulan khutbah ini dan sebagainya*. Lakuan kesimpulan ialah merumuskan sesuatu huraian. Lima contoh berikut menunjukkan lakuan kesimpulan.

1. **Bagi mengakhiri khutbah ini**, marilah sama-sama kita mengambil (K2:10)
2. **Justeru** kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami (K2:14)
3. **Oleh itu** mari kita memperbanyakkan salawat dan salam ke atas junjungan besar nabi kita Muhammad SAW, kerana perintah Allah SWT ... (K3:15)
4. **Oleh itu**, setiap muslim tidak boleh mengelak daripada tugas dakwah untuk mengajak masyarakat ke arah kebaikan, terutamanya kepada ahli keluarga atau yang dibawah tanggungjawabnya. (K4:6)



5. **Kesimpulan khutbah** yang dapat kita ambil pengajarannya pada hari ini adalah: (K5:12)

Contoh 1 dan contoh 3 di atas menunjukkan lakuan kesimpulan, yang diikuti lakuan nasihat. Contoh 2 pula disimpulkan menggunakan perkataan *justeru* kemudian diikuti oleh lakuan doa. Contoh 4 pula menunjukkan lakuan kesimpulan dan diikuti oleh makluman, manakala contoh 5 melakukan kesimpulan terhadap teks keseluruhan.

### Lakuan Penegasan

Penegasan dalam kajian ini merujuk kepada penegasan leksikal atau frasa. Dengan perkataan lain, kajian ini tidak memberikan tumpuan terhadap penegasan intonasi. Dalam khutbah Jumaat, penegasan memainkan peranan penting untuk menarik perhatian jemaah. Senarai berikut ialah lima contoh ayat yang menunjukkan penegasan secara leksikal atau frasa.

1. Hadis ini **jelas** menyebut bahawa kaedah pembentukan perpaduan adalah berdasarkan empat perkara (k1:4)
2. Cabaran **utama** yang dihadapi umatnya ialah penyelewengan dan kesesatan, kejahilan dan ketaksuban serta perpecahan ... (K2:4).
3. tingkatkan ketaqwaan kita kepada Allah SWT **dengan sebenar-benar** taqwa dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan ... (K3:2)
4. Agama Islam **sama sekali** tidak menghalang kemajuan atau pemodenan, namun tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa kemudahan ... (K6:4)
5. Sebahagian umat Islam hari ini menghabiskan masa **yang sangat banyak** melayari media sosial jika dibandingkan dengan membaca ... (K6:4)

Lazimnya, lakuan penegasan ditandai oleh perkataan-perkataan, seperti *jelas sekali*, *sesungguhnya*, *sebenar-benar* dan sebagainya. Contoh 1 di atas menggunakan kata adjektif *jelas* sebagai unsur penegasan. Jika perkataan *jelas* tidak digunakan, ayat tersebut tidak ada unsur penegasan. Contoh dalam ayat 2 menggunakan perkataan *utama* sebagai unsur penegas, manakala ayat 3 pula menggunakan frasa *dengan sebenar-benar*. Ayat 4 menggunakan penegas *sama sekali* manakala ayat 5 pula menggunakan frasa *yang sangat banyak*. Unsur-unsur penegas ini bergungsi untuk menekankan sesuatu perkara penting dan sekali gus dapat menarik perhatian pendengar. Pengkaji berpandangan bahawa unsur penegasan lakuan bahasa amat penting dalam khutbah Jumaat.

### Lakuan Petikan al-Quran

Pengkaji menjadikan *petikan al-Quran* sebagai jenis lakuan bahasa dalam khutbah Jumaat. Lakuan jenis ini tidak wujud dalam kerangka Bach dan Harnish. Kajian ini mengetengahkan lakuan memetik dalil al-Quran kerana ia merupakan sumber ilmu utama bagi umat Islam. Pelbagai penanda petikan al-Quran yang terdapat dalam teks khutbah Jumaat. Contohnya adalah seperti berikut:

1. Sedangkan semua ini dilarang oleh Allah SWT **sebagaimana ditegaskan-Nya melalui firman-Nya** dalam surah al-Hujuraat ayat 12 ...” (K1:9)
2. Ini kerana Allah berlainan dan tidak sama dengan semua makhluk **sebagaimana firman Allah SWT dalam surah asy-Syura ayat 11 ...**
3. Tanggungjawabnya dalam mendidik isteri dan anak-anaknya ke arah yang diredhai oleh Allah. **Firman Allah dalam surah al-Tahrim ayat 6 ...** (K3:6)
4. prinsip asas yang cukup jelas yang mesti dipatuhi. **Sebagaimana firman Allah SWT dalam surah Al-Nahl ayat 125** yang bermaksud ... (K4:6)
5. Tidak takutkah kita dengan **amaran Allah SWT seperti firman Allah dalam surah Al-Anfaal ayat 22**: “Sesungguhnya sejahat-jahat makhluk ...” (K6:6)

Terdapat pelbagai kaedah dan cara memetik ayat al-Quran dalam khutbah Jumaat. Ia ditandai oleh pelbagai penanda linguistik, seperti *sebagaimana ditegaskan-Nya melalui firman-Nya; sebagaimana firman Allah SWT dalam surah asy-Syura ayat 11; Firman Allah dalam surah al-Tahrim ayat 6; amaran Allah SWT seperti firman Allah dalam surah; dan sebagainya.*

### Lakuan Petikan Hadis

Pengkaji turut menjadikan *petikan hadis* sebagai jenis lakuan bahasa kerana ia menunjukkan satu tindakan memetik hadis. Hadis yang dipetik menandakan wujud tindakan memetik hadis untuk dimuatkan dalam teks khutbah. Hal ini penting diketengahkan kerana hadis merupakan satu sumber rujukan penting dalam Islam. Hadis merupakan dalil kedua terpenting selepas al-Quran. Oleh itu, lakuan *memetik hadis* merupakan satu bentuk tindakan yang sangat penting dalam teks khutbah Jumaat. Pelbagai penanda petikan hadis yang terdapat dalam teks ucapan. Contohnya adalah seperti berikut:

1. **Sebuah hadis diriwayatkan daripada** Abdullah bin Salam Radiallahu Anhu bahawa seruan pertama yang beliau dengar daripada Rasulullah SAW ketika tibanya baginda di Kota Madinah, sabdanya: Maksudnya (K1:4)
2. **Hadis daripada Abdullah Bin Amru Radiallahu Anhuma** bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Kaum Yahudi telah berpecah kepada 72 golongan ... (K2:4)
3. Inilah akidah yang soheh lagi benar serta mendapat jaminan selamat oleh Nabi SAW, **sepertimana dijelaskan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan** daripada al-Irbad bin Sariah Radiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW ... (K2:6)
4. ... akan mendapat kelebihan dan keutamaan apabila dakwahnya diikuti dan diamalkan oleh orang lain. **Hadis daripada Jarir Bin Abdullah Radiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:** (K4:6)
5. **Ingatlah ancaman daripada Nabi SAW sebagaimana yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah RA** bahawa Rasulullah SAW pernah mengancam untuk membakar rumah orang-orang ... (K5:4).
6. **Dalam hadis yang lain,** daripada Abu Hurairah Radiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda: Sesungguhnya seorang hamba apabila menuturkan satu perkataan yang ... (Muttafaqun Alaih) (K6:11)

Tindakan memetik hadis ini dilakukan untuk memberikan dalil, membuktikan atau mengukuhkan sesuatu hujah yang disampaikan. Pelbagai kaedah digunakan untuk memetik hadis, seperti yang ditunjukkan dalam contoh 1-6 di atas. Antara penanda tindakan memetik hadis ialah *sebuah hadis diriwayatkan daripada; hadis daripada Abdullah; seperti mana dijelaskan dalam sebuah hadis yang diriwayatkan; ingatlah ancaman daripada Nabi SAW sebagaimana; dalam hadis yang lain; dan sebagainya.*

## KATEGORI LAKUAN ARAHAN

Arahan membawa maksud meminta seseorang untuk melakukan sesuatu. Terdapat beberapa jenis arahan, seperti yang dikemukakan oleh Bach dan Harnish. Antaranya ialah lakuan permintaan, lakuan pertanyaan, lakuan keperluan, lakuan larangan, lakuan permisif, dan lakuan nasihat. Pengkaji menggunakan konsep yang sama, namun demikian kajian ini akan memberi tumpuan kepada tiga jenis lakuan, iaitu lakuan nasihat, lakuan doa, dan lakuan persoalan retorik. Lakuan doa dan lakuan persoalan retorik ini dibina untuk disesuaikan dengan data kajian.

### Lakuan Nasihat

Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) mendefinisikan nasihat sebagai ajaran atau petunjuk yang baik. Dalam konteks penyampaian khutbah, lakuan nasihat adalah untuk mengajak pendengar melakukan kebaikan atau membawa ke arah kebaikan. Kajian ini membezakan perkataan nasihat dengan ajakan. Perkataan *nasihat* lebih kepada maksud mengajak ke arah kebaikan, atau mengajak seseorang untuk melakukan perkara-perkara yang baik, manakala lakuan ajakan bersifat umum. Lihat dua contoh berikut:

1. **Marilah** makan nasi dahulu sebelum pergi.
2. para jemaah sekalian, **marilah kita sentiasa** bertaqwa kepada Allah SWT dengan mematuhi segala perintah-Nya (K1:2)
3. Khatib **mengajak** hadirin Jumaat sekalian untuk sama-sama menghayati khutbah hari ini yang bertajuk “Teruskan Berdakwah.” (K4:2)

Secara umumnya, tiga ayat di atas menunjukkan tindakan mengajak seseorang. Namun demikian, dari segi nilai, pengkaji membezakan ketiga-tiga ayat tersebut dari sudut lakuan. Ayat pertama lebih bersifat tindakan ajakan, manakala ayat 2 dan ayat 3 pula bersifat nasihat. Hal ini kerana ayat 1 hanya mengajak untuk memenuhi keperluan jasmani, manakala ayat 2 dan ayat 3 pula mengajak orang ke arah kebaikan. Walaupun ayat 1 dan ayat 2 menggunakan kata kerja yang sama, iaitu perkataan *marilah*, namun demikian ia berbeza dari sudut niat dan perkara yang diajak. Contoh 3 di atas pula dengan jelas menggunakan perkataan *mengajak*, namun demikian, ia mengajak ke arah kebaikan. Oleh itu, ia merupakan lakuan nasihat. Empat contoh di bawah menunjukkan lakuan nasihat dengan menggunakan kata kerja dan cara yang berlainan.

1. **Marilah kita sama-sama menghayati** khutbah pada hari ini yang bertajuk Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Pegangan Kita. (K2:2).

2. **Suamilah yang sepatutnya menentukan** hala tuju sesebuah keluarga untuk mendapat keredaan Allah SWT. (K3:12)
3. **Adalah dinasihatkan dan diingatkan** kepada pendakwah supaya mematuhi dan mengikuti peraturan yang telah ditetapkan pihak-pihak berkuasa Agama seperti memiliki tauliah. (K4:12)
4. **mari kita awasi dan ingatkan diri kita** dan anak-anak kita serta rakan sekeliling kita dengan pesanan Allah SWT dalam surah al-Isra' (K6:10)

Lakuan nasihat ini juga boleh disampaikan secara langsung atau secara tidak langsung. Lakuan nasihat secara langsung dapat dilihat dalam ayat 3 di atas kerana menggunakan perkataan nasihat, iaitu *adalah dinasihatkan dan diingatkan*. Contoh lain pula tidak ditandai oleh perkataan nasihat, sebaliknya ia ditandai oleh niat dan perkara yang diucapkan.

### Lakuan Doa

Lakuan doa merupakan satu bentuk permintaan atau permohonan untuk memperoleh kebaikan daripada Allah SWT. Lakuan ini diletakkan dalam lakuan arahan dan ia tidak bermakna mengarahkan Tuhan secara literal. Sebaliknya lakuan ini merupakan permohonan agar Allah mengurniakan kebaikan kepada pihak yang berdoa. Doa dalam konteks ini juga bersifat harapan untuk diberikan kebaikan oleh Allah SWT. Contohnya adalah seperti berikut:

1. **Mudah-mudahan Allah SWT** akan memberi kebahagiaan hidup di dunia serta mendapat kerahmatan dan keredhaan Allah di dunia dan akhirat ... (K2:2)
2. Justeru **kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman** dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, **terimalah amalan soleh kami** ... (K2:14)
3. Ya Allah, **bukakanlah hati kami untuk mendirikan** solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor ... (K2:15).
4. **Mudah-mudahan kita tergelong** dalam golongan hamba-hamba-Nya yang mendapat rahmat dan kasih sayang serta perlindungan Allah SWT. (K6:2)

Doa atau permohonan kebaikan ini dilakukan secara langsung dan tegas. Doa secara langsung dan tegas ini ditandai oleh *kami memohon, tetapkanlah iman kami, terimalah amalan kami*, dan sebagainya. Dalam khutbah Jumaat, lakuan doa sangat penting bagi mendapatkan keberkatan, kebaikan dunia dan akhirat, dan tempat memohon keampunan daripada Allah SWT.

### Lakuan Persoalan Retorik

Pengkaji meletakkan persoalan retorik dalam kategori lakuan Arahan kerana persoalan retorik merupakan ayat yang mengajak pendengar untuk berfikir. Persoalan retorik ialah ayat tanya yang tidak memerlukan jawapan, sebaliknya membiarkan pendengar menjawab sendiri di dalam hati. Nilai interaksi ini tinggi berbanding dengan lakuan lain. Contohnya adalah seperti berikut:

1. **Tidak takutkah** kita amalan kebaikan kita hilang begitu sahaja akibat tersalah “share” atau berkongsi perkara tidak baik dan tidak tepat ... (K6:6)

2. **Atau (tidak takutkah kita)** menyebarkan sesuatu fatwa sedangkan ianya tidak pernah difatwakan. (K6:6)
3. **Tidak takutkah kita** dengan amaran Allah SWT seperti firman Allah dalam surah Al-Anfaal ...” (K6:6)

Kajian ini mendapati tiga lakuan daripada enam teks khutbah Jumaat. Tiga contoh di atas menunjukkan lakuan persoalan retorik yang menggunakan ayat tanya *Tidak takutkah kita*. Persoalan yang ditimbulkan di atas menyebabkan pendengar berinteraksi dengan persoalan tersebut. Namun demikian interaksi tersebut berlaku di dalam hati

## KATEGORI LAKUAN PENGAKUAN

Bacn dan Harnish memperlenalkan tujuh subkategori lakuan dalam kategori lakuan pengakuan. Antaranya ialah lakuan minta maaf, bersimpati, ucapan tahniah, menyapa, berterima kasih, menerima, dan menolak. Namun demikian, kajian ini menemui dua subkategori lakuan dalam khutbah Jumaat, iaitu lakuan menyapa dan terima kasih. Oleh sebab data kajian yang berlainan, maka kajian ini menggunakan istilah lakuan sapaan dan lakuan syukur.

### Lakuan Sapaan

Lakuan sapaan merupakan lakuan menegur sapa pendengar. Lakuan ini penting agar wujud interaksi yang tinggi antara pembaca khutbah dengan pendengar. Sapaan ini diikuti oleh pelbagai bentuk unsur keterangan dan pujian. Berikut ialah contoh lakuan sapaan dalam khutbah Jumaat.

1. Muslimin yang dirahmati Allah sekalian. (K1:1)
2. Hadirin yang dirahmati Allah. (K1:3)
3. Muslimin sidang Jumaat sekalian. (K1:5)
4. Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT. (K1:13)
5. Hadirin tetamu Allah sekalian. (K2:7)
6. Muslimin yang dikasihi Allah SWT. (K3:3)

Pelbagai sapaan yang digunakan untuk menyapa para jemaah. Antaranya ialah *muslimin*, *hadirin*, *sidang Jumaat*, dan *tetamu Allah*. Sapaan ini diikuti oleh unsur keterangan yang bersifat pujian, iaitu seperti *yang dimuliakan Allah SWT*, *yang dikasihi Allah*, *yang dirahmati Allah*, dan sebagainya. Hal ini menunjukkan lakuan sapaan yang sopan.

### Lakuan Syukur

Lakuan syukur ialah unsur lakuan berterima kasih kepada Allah SWT. Dalam khutbah Jummat, lakuan syukur ini telah menjadi satu format khas, iaitu wajib ada dalam khutbah Jumaat. Oleh sebab itu, ayat digunakan adalah sama daripada teks 1 hingga teks 6. Lakuan syukur ini diletakkan di bahagian akhir teks. Di sini pengkaji senaraikan tiga lakuan syukur bagi teks 2 hingga teks 4.

1. Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, **kami bersyukur kehadiran-Mu** yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, ... (K2.13)
2. Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, **kami bersyukur kehadiran-Mu** yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat ... (K3.15)
3. Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, **kami bersyukur kehadiran-Mu** yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat .... (K4.14)
4. Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, **kami bersyukur kehadiran-Mu** yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat ... (K5.14)

Berdasarkan struktur ayat yang digunakan, kajian mendapati bahawa wujud lakuan pengakuan tentang kekuasaan Allah SWT sebelum mengucapkan syukur kepada Allah SWT. Lakuan syukur ini dilakukan secara langsung dan jelas, iaitu dengan frasa *kami bersyukur*. Lakuan syukur ini merupakan amalan mulia dalam Islam. Oleh sebab itu, ia dimasukkan sebagai satu yang wajib ada dalam teks khutbah.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan membincangkan hasil analisis yang dilakukan terhadap tiga kategori lakuan bahasa. Jadual berikut ialah hasil analisis lakuan bahasa terhadap enam teks khutbah Jumaat negeri Selangor.

**Jadual 3:** Hasil Analisis Kategori Lakuan Bahasa dalam Teks Khutbah Jumaat

KATEGORI LAKUAN BAHASA	KEKERAPAN	PERATUS
<b>Pengumuman</b>	204	60.00%
<b>Arahan</b>	92	26.70%
<b>Pengakuan</b>	45	13.20
<b>Jumlah</b>	<b>341</b>	<b>100%</b>

Dalam kajian ini, pengkaji telah mengenal pasti tiga kategori lakuan bahasa yang wujud dalam khutbah Jumaat. Jadual di atas menunjukkan kategori lakuan pengumuman mencatatkan kekerapan tertinggi, iaitu sebanyak 60% (204). Jumlah tertinggi ini berlaku disebabkan oleh jumlah subkategori lakuan yang banyak, iaitu sebanyak lapan subkategori lakuan. Keadaan ini menggambarkan pelbagai subkategori lakuan, iaitu makluman, laporan, deskriptif, justifikasi, kesimpulan, penegasan, hadis, dan al-Quran. Kategori arahan pula berada di tempat kedua tertinggi, iaitu sebanyak 26.7% (92). Jumlah ini disebabkan tiga subkategori lakuan, iaitu lakuan nasihat, lakuan doa, dan lakuan persoalan retorik. Kategori Pengakuan memperlihatkan peratus terendah, iaitu 13 % (45). Keadaan ini menunjukkan kategori pengakuan tidak mendominasi khutbah Jumaat.

Kajian ini akan memberi tumpuan terhadap perbincangan dan analisis tentang 13 subkategori lakuan bahasa, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4 berikut. Untuk memudahkan perbincangan, pengkaji akan membahaskan mengikut lakuan bahasa yang mencatatkan



kekerapan tertinggi hingga kekerapan terendah. Hal ini dilakukan untuk mengenal pasti lakuan bahasa yang paling dominan dan yang kurang dominan dalam khutbah Jumaat.

**Jadual 4:** Dapat kajian mengikut subkategori lakuan bahasa

Kategori Lakuan Bahasa	Subkategori	Kekerapan	Peratus
<b>Pengumuman</b> (204)	Deskriptif	61	17.88
	Makluman	42	12.31
	Justifikasi	12	03.51
	Penegasan	41	12.02
	Kesimpulan	9	02.63
	Al-Quran	19	05.57
	Hadis	14	04.10
	Laporan	6	01.75
<b>Arahan</b> (92)	Nasihat	83	24.34
	Doa	6	01.75
	Retorik	3	00.87
<b>Pengakuan</b> (45)	Lakuan Sapaan	39	11.43
	Syukur	6	01.75
<b>Jumlah</b>	13	341	100%

Berdasarkan jadual 4 di atas, kajian mendapati bahawa lakuan nasihat mencatatkan kekerapan tertinggi, iaitu sebanyak 83 kali atau 24.34 %. Jumlah ini menunjukkan bahawa 83 kali nasihat dilakukan bagi enam teks khutbah yang dikaji. Secara purata, dapatan ini menunjukkan sebanyak 13 kali lakuan nasihat dilakukan bagi setiap teks khutbah. Hasil analisis tersebut juga menggambarkan bahawa khutbah Jumaat bersifat “memberi nasihat kepada pendengar”. Hal ini selari dengan definisi khutbah oleh Kamus Dewan Edisi Keempat – khutbah ialah syarahan yang berisi ajaran atau nasihat mengenai agama dan lain-lain. Dengan perkataan lain, khutbah bermaksud syarahan nasihat tentang agama kepada para pendengar. Lakuan deskriptif pula mencatatkan kekerapan kedua tertinggi, iaitu sebanyak 61 kali. Hal ini menunjukkan bahawa khutbah Jummat juga memberikan penerangan tentang nasihat yang disampaikan. Deskriptif atau penghuraian adalah dan dominan dan ia amat penting agar pendengar dapat memahami pengajaran yang disampaikan. Jumlah ini kurang 22 berbanding dengan kekerapan lakuan nasihat. Hal ini kerana lakuan nasihat mengalami pengulangan, khususnya pengulangan di bahagian akhir teks. Secara purata, sebanyak 10 lakuan deskriptif bagi setiap teks khutbah.

Bilangan kekerapan ketiga tertinggi ialah lakuan makluman, iaitu sebanyak 42 kali atau 12% daripada jumlah keseluruhan. Makluman adalah pemberitahuan tentang sesuatu fakta atau perkara yang berlaku di persekitaran. Pemakluman perkara semasa ini dalam khutbah Jumaat adalah sangat penting agar apa yang disampaikan segar dan relevan. Selain lakuan makluman, terdapat lakuan penegasan dalam penyampaian khutbah Jumaat. Lazimnya, terdapat dua jenis penegasan, iaitu penegasan intonasi, dan penegasan leksikal. Kajian ini hanya memberi tumpuan terhadap unsur penegasan leksikal. Dari segi kekerapan, lakuan penegasan leksikal mencatatkan kekerapan sebanyak 41 kali dan menjadikannya di tempat keempat tertinggi. Pengesanan leksikal ini memainkan peranan penting untuk menarik perhatian pendengar. Kajian ini mencadangkan agar kajian lanjut tentang penegasan intonasi dilakukan pada masa akan

datang. Lakukan sapaan dalam khutbah Jumaat juga penting agar wujud komunikasi yang lebih berkesan. Walaupun khutbah ialah komunikasi sehalu, namun demikian, lakukan sapaan berupaya menarik perhatian penuh daripada pendengar. Lakukan sapaan yang bersifat pujian, seperti *Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT, Hadirin tetamu Allah sekalian dan Muslimin yang dikasihi Allah SWT* dapat meraikan kehadiran dan memberikan penghargaan kepada jemaah. Sapaan sedemikian bersifat mendoakan agar para jemaah sentiasa diberkati dan dikasihi Allah SWT. Dari segi kekerapan, lakukan sapaan mencatatkan bilangan sebanyak 39 kali, iaitu dengan purata sebanyak 6.5 kali bagi setiap ktubah. Jumlah ini memadai dengan tempoh 15-25 minit bagi setiap khutbah Jumaat.

Pengkaji membahaskan secara serentak terhadap lakukan bahasa, iaitu lakukan justifikasi, lakukan petikan al-Quran, dan lakukan petikan hadis. Hal ini kerana ketiga-tiga lakukan ini mempunyai konsep yang sama, iaitu ketiga-tiga lakukan ini memberikan kewajaran bagi setiap isi atau nasihat yang disampaikan. Berdasarkan analisis kajian, jadual 4 di atas menunjukkan lakukan petikan al-Quran mencatatkan kekerapan sebanyak 19 kali, lakukan petikan hadis sebanyak 12 dan lakukan justifikasi sebanyak 14 kali. Jumlah keseluruhan bagi ketiga-tiga lakukan ini ialah sebanyak 45 kali. Lakukan petikan al-Quran menunjukkan bahawa khutbah Jummat mengutamakan al-Quran sebagai dalil utama dalam menyampaikan sesuatu. Lakukan justifikasi turut memberikan dalil berdasarkan ajaran Islam. Hal ini dapat dilihat melalui contoh lakukan justifikasi yang diberikan di bahagian awal kajian ini. Antaranya ialah “...kerana taqwalah merupakan satu-satunya kunci untuk mencapai kejayaan...”, “Ini kerana Allah berlainan dan tidak sama dengan semua makhluk”, “Kerana sesungguhnya taqwa itu adalah sebaik-baik bekalan untuk hari akhirat” dan sebagainya. Contoh ini jelas menunjukkan bahawa lakukan justifikasi turut memberikan kewajaran berdasarkan ajaran Islam. Lakukan petikan hadis turut wujud dalam khutbah Jumaat. Secara ringkasnya, ketiga-tiga lakukan ini merupakan lakukan bahasa yang penting kerana memberikan dalil yang kukuh dalam menyampaikan khutbah Jummat. Dengan perkataan lain, lakukan justifikasi, petikan al-Quran, petikan hadis dijadikan sumber ilmu dalam menyampaikan khutbah Jumaat.

Lakukan kesimpulan merujuk kepada tindakan merumuskan keseluruhan teks. Lazimnya lakukan ini wujud di bahagian akhir setiap khutbah jumaat. Terdapat juga kesimpulan dibuat di peringkat paragraf, atau selepas menghuraikan sesuatu. Kajian ini mendapati lakukan kesimpulan mencatatkan kekerapan sebanyak 9 kali. Lakukan laporan dalam khutbah tidak dominan kerana khutbah lebih bersifat nasihat berbanding memetik sesuatu peristiwa atau berita. Lakukan doa dan lakukan syukur telah menjadi format wajib bagi khutbah Jumaat. Setiap khutbah mesti ada doa dan syukur. Lakukan persoalan retorik ialah lakukan bertanya tanpa mengharapkan jawapan. Lakukan ini bertujuan untuk mengajak para jemaah memikirkan persoalan yang ditimbulkan. Analisis mendapati bahawa lakukan ini amat kurang dilakukan, iaitu hanya 3 kali. Lakukan ini hanya wujud dalam khutbah keenam. Pada pendapat pengkaji, lakukan persoalan retorik ini sangat penting untuk meningkatkan nilai komunikasi sehalu. Dengan perkataan lain, persoalan retorik ini berupaya mengajak pendengar untuk berfikir dan hal ini sekali gus dapat meningkatkan interaksi. Persoalan yang ditimbulkan oleh khatib akan dijawab dalam hati oleh jemaah dan ini menggambarkan wujud komunikasi antara khatib dengan jemaah.

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Kajian ini menyimpulkan bahawa lakuan bahasa yang dominan dalam khutbah Jumaat ialah lakuan nasihat. Hal ini selari dengan konsep khutbah itu sendiri, iaitu syarahan yang berisi ajaran atau nasihat mengenai agama dan lain-lain. Dengan perkataan lain, cara penyampaian kandungan khutbah jumaat adalah selari dengan tujuan dan konsep khutbah itu sendiri. Lakuan deskriptif yang dominan juga menggambarkan bahawa khutbah jumaat bersifat memberikan penerangan. Lakuan justifikasi, lakuan petikan al-Quran dan hadis menggambarkan bahawa apa yang disampaikan dalam khutbah mempunyai sumber rujukan yang berautoriti tinggi. Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji mengemukakan tiga cadangan. Pertama, kajian lanjut tentang penegasan, khususnya penegasan intonasi perlu dilakukan. Lakuan penegasan memainkan peranan penting untuk menarik perhatian penuh daripada jemaah. Melalui pemerhatian pengkaji, intonasi yang tidak tegas dan senada menyebabkan khutbah itu hambar dan tidak dapat menarik perhatian pendengar. Kedua, pengkaji mencadangkan agar memperbanyak lagi lakuan persoalan retorik dalam penulisan khutbah Jumaat. Lakuan persoalan retorik berupaya meningkatkan darjah komunikasi antara khatib dengan jemaah. Ketiga, lakuan seruhan atau ajakan juga penting diadakan dalam penulisan dalam khutbah Jumaat. Lakuan seruhan atau ajakan ini lazimnya ditandai oleh perkataan, seperti *bayangkanlah sendainya, cuba fikirkan sekiranya*, dan sebagainya. Lakuan ini boleh meningkatkan daya interaktif.

## RUJUKAN

- Ahmad Mahmud Musanif, (1998). *Tanya-Jawab Dalam Novel 'Salina' Karangan A. Samad Said: Satu Kajian Berdasarkan Analisis Teori Lakuan Pertuturan*. Tesis Ph.D. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Amir Juhari & Zaitul Azma Zainon Hamzah, (2015). Penggunaan Lakuan Pertuturan dalam Mesyuarat. *Jurnal Linguistik* Vol. 19(1) Jun.2015 (048-057)
- Austin, J.L. (1962). *How To Do Things With Words*. Oxford: Clarendon Press.
- Bach, K., dan Harnish, R.M., 1979. *Linguistic Communication and Speech Acts*. Cambridge & London: The MIT Press.
- Dewan Bahasa dan Pustaka, (2007). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Haslinda Saad dan Ahmad Mahmood Musanif, (2014). Lakuan Pernyataan dalam Wacana Wawancara. *Jurnal Bahasa, Budaya dan Warisan Melayu* (Mahawangsa) Vol. 1 (1) Jun 2014.
- Haslinda Saad, (2012). *Lakuan Pertuturan dalam Wacana Wawancara*. Tesis Ph.D. Universiti Putera Malaysia: Serdang.
- Marlyna Maros, (2008). Lakuan Bahasa Kompelin: Manifestasi dan Istilah-istilahnya dalam Komuniti Bahasa. *Jurnal Melayu*. Bil hlm, 31-56.
- Marlyna Maros, (2011). Strategi Kesantunan Melayu Dalam Membuat Teguran. *Jurnal Elektronik Jabatan Bahasa & Kebudayaan Melayu*. Jilid 3 (2011) 7-20. UKM.

- Maslida Yusof dan Karim Harun, (2015). Analisis Lakuan Tutur Dalam Ruangan Status Facebook. *Jurnal Komunikasi*. Jilid 31 (2) Hlmn 151-168.
- Maslida Yusof Marlyna Maros Muhammad Fadzeli Jaafar, (2011). Oops..Maaf: Strategi Kesopanan dan Penebus Kesalahan. *Jurnal Melayu* (8) 2011: 27 – 50
- Searle, J. (1997). *Speech Act: An Essay in the Philosophy of Language*. London: Cambridge University Press. (Terbitan asal tahun 1969).
- Sharifah Farah Adila Bt Syed Faizal Badrul, (2016). *Lakuan Bahasa Menolak Dalam Filem Labu Dan Labi*. Jabatan Pengajian Melayu, Akademi Pengajian Bahasa (Sarjana Muda Pengajian Bahasa Gunaan).
- Wan Robiah Meor Osman et.al, (2010). Sesi Kaunseling Dari Sudut Lakuan Bahasa. *Jurnal Bahasa*. Jilid 10 Bil. 1 2010.
- Wong Shin Shin, (2007). *Analisis Teks Ucapan Rmk-9: Pendekatan Pragmatik*. Disertasi. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zaidatul Nornis Hj Mahali, (2012). Situasi, Peristiwa dan Lakuan Bahasa dalam Kalang Sama. *Akademia* 82. [1] 2012: 3-14
- Zaiton Ismail, “Bahasa Berirama dari Sudut Pandangan Teori Lakuan Bahasa, Teori Grice dan Teori Relevans” dlm. Dewan Bahasa Januari 2003. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

[http://e-masjid.jais.gov.my/index.php/ekhutbah\\_diakses\\_pada\\_28\\_April\\_2018](http://e-masjid.jais.gov.my/index.php/ekhutbah_diakses_pada_28_April_2018).

## TENTANG PENULIS

Abd Ganing Laengkang merupakan seorang pensyarah Bahasa Melayu di Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. Graduan Ijazah Sarjana (2010) dan Ijazah Sarjana Muda (2006) di Akademi Pengajian Melayu (pengkhususan Bahasa Melayu), Universiti Malaya. Kini melanjutkan pelajaran di peringkat PhD di universitiyang sama.